

(29 November 2020) Kosmo p. 30/31-31

Boleh berniaga selagi tidak mengganggu orang lain

PANDEMIK Covid-19 yang melanda dunia dan negara ini khususnya menyebabkan ramai yang kehilangan pekerjaan atau pendapatan sehingga sesetengahnya terpaksa mengubah hala kerjaya dengan menjadi peniaga demi kelangsungan hidup.

Menyedari masalah itu yang turut membelenggu warga ibu kota, sejak 15 November lalu, inisiatif 'Wilayah Bebas Berniaga' mula dilaksanakan di Kuala Lumpur. Usaha itu membolehkan warga kota untuk membuka perniagaan kecil-kecilan di mana-mana kawasan yang sesuai di sekitar bandar raya Kuala Lumpur.

Inisiatif yang diumumkan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan itu membolehkan orang ramai berniaga dengan mendapatkan lesen perniagaan sementara yang sah selama enam bulan dari laman web Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Wartawan **ZULKIFLI MANZOR** menemu bual Datuk Bandar Kuala Lumpur yang baharu, Datuk Mahadi Che Ngah berhubung inisiatif ini dan matlamat yang disasarkan untuk ibu negara Malaysia ini sejak menggalas jawatan itu bulan lalu.

KOSMO! AHAD: Tahniah atas pelantikan Datuk sebagai Datuk Bandar Kuala Lumpur yang baharu bermula 1 Oktober lalu. Secara umum bagaimana visi yang Datuk mahu bawakan untuk ibu kota ini?

MAHADI: Visi saya seperti yang ditetapkan dalam Pelan Pembangunan Kuala Lumpur. Pelan pembangunan yang terbahagi kepada dua iaitu pelan struktur dan pelan tempatan.

Pelan yang menjadi 'kitab' atau buku utama menentukan arah tuju pembangunan ibu negara. Pelan struktur adalah mengenai 'dasar, manakala pelan tempatan menterjemahkan dasar.

Visi ibu negara sebelum ini

Program 'Wilayah Bebas Berniaga' hanya selama enam bulan bagi membantu mereka yang terkesan akibat wabak Covid-19. Kedudukan program ini selepas tamat tempoh tersebut bergantung kepada keadaan ketika itu."

'Kuala Lumpur Bertaraf Dunia'.

Visi baharu ditetapkan sehingga tahun 2040 adalah 'Kuala Lumpur Bandar Untuk Semua' dan 'No One Left Behind'.

Visi ini mahu memastikan Kuala Lumpur untuk semua golongan masyarakat termasuk orang kelainan upaya dan warga emas. Cabaran untuk saya dan pasukan di DBKL adalah untuk melaksanakan pelan pembangunan bagi mencapai visi itu.

Kementerian Wilayah Persekutuan sebelum ini memaklumkan mahu membuang gambaran pihak PBT adalah penguat kuasa yang menghalang dan menyulitkan rakyat. Bagaimana Datuk dapat menterjemahkan perkara ini?

DBKL mahu orang ramai datang ke ibu negara dan kita juga mahu aktiviti di Kuala Lumpur berjalan lancar dan baik supaya tidak memberi kesan kepada sesiapa juga.

Dalam urusan penyampaian perkhidmatan pula, DBKL mahu melaksanakannya dengan pantas.

Kita mahu memudahkan semua urusan supaya rakyat dapat merasai pihak berkuasa ini bersama mereka.

Bagaimanapun undang-undang mesti terus dipatuhi.

Jika tidak keadaan akan jadi cacam-marba.



Kuala Lumpur diketahui sebagai lubuk rezeki rakyat negara ini. Bagaimana Datuk melihat kepesatan Kuala Lumpur sebagai tempat orang ramai menjalankan pelbagai perniagaan?

Mana-mana bandar dalam dunia adalah tempat aktiviti berpusat.

Di mana ramai orang, di situ menjadi tempat tumpuan aktiviti ekonomi.

Dari dulu, saya lihat Kuala Lumpur selain menjadi lokasi gedung perniagaan, ia juga menjadi tempat penaja dan peniaga kecil mencari rezeki.

Apabila terdapat permintaan maka akan tumbuh peniaga-peniaga ini dalam bilangan agak banyak.

Usaha mewujudkan Kuala Lumpur 'Wilayah Bebas Berniaga' baru-baru ini dilihat suatu langkah prihatin yang cukup bertepatan dengan situasi semasa apabila ramai rakyat terkesan dengan pandemik Covid-19 dan sukar mendapat kerja.

KUALA Lumpur menjadi lubuk rezeki sama ada bagi gedung-gedung besar mahupun peniaga kecil. - GAMBAR HIASAN

MAHADI



Bagaimana Datuk melihat melalui langkah yang diumumkan ini boleh mengurangkan beban rakyat yang terkesan hari ini?

'Wilayah Bebas Berniaga' satu program untuk melihat bagaimana pihak berkuasa tempatan (PBT) dapat membantu mereka yang terkesan dengan wabak Covid-19.

Ramai orang kehilangan kerja disebabkan Covid-19. Kita dapat lihat berlaku trend ramai yang hilang kerja mula berniaga sendiri termasuk menjadi penjaja atau berniaga secara dalam talian untuk mencari rezeki halal. Ini usaha PBT untuk membantu menangani masalah rakyat.

Bagaimana sambutan warga ibu kota terhadap pelaksanaan inisiatif ini? Sejak diuar-uarakan mengenai langkah ini, berapa ramai warga yang memohon lesen perniagaan sementara ini dengan DBKL?

Permohonan lesen perniagaan sementara di bawah program 'Wilayah Bebas Berniaga' yang diterima DBKL sehingga 20 November lalu sebanyak 1,294 permohonan.

Sebanyak 520 permohonan diluluskan, manakala 271 permohonan terpaksa ditolak atas pelbagai sebab seperti mengganggu lalu lintas.

Sebanyak 459 permohonan pula dalam semakan pejabat cawangan DBKL bagi mengetahui lokasi dipohon sesuai atau tidak. Selain itu, 44 permohonan masih dalam semakan Jabatan Pelesenan DBKL.

Apabila berbicara mengenai 'Wilayah Bebas Berniaga', mungkin ada warga kota menganggap bebas berniaga di mana-mana di ibu kota.

Bimbang juga jika orang ramai berniaga sehingga tidak terkawal dan mengganggu lalu lintas misalnya.

Boleh kongsi sejauh mana kebebasan itu diberikan dan kriteria kawasan yang dibenarkan dan syarat-syarat yang dikenakan?

Kita kena ada pengurusan yang betul dalam perkara ini. Kena faham program ini bukan *free for all*.

Masih perlu dapat lesen sementara, tetapi kita permudahkan urusan mendapatkan lesen itu.

Boleh berniaga di kawasan-kawasan yang tidak menimbulkan masalah kepada orang lain. Cara terbaik adalah mematuhi garis panduan yang ditetapkan.

Sebagai contoh, jangan berniaga di atas jalan raya atau di atas laluan orang ramai atau di depan rumah orang lain. Berniaga di tempat yang sesuai yang DBKL tiada halangan.

Kita akan semak dahulu setiap permohonan.

Tapak berniaga bukan tapak kekal. Mesti mematuhi prosedur operasi standard (SOP) mencegah wabak Covid-19, aspek keselamatan dan kebersihan.

Jika berniaga di tempat tidak dibenarkan, maka anggota penguat kuasa akan mengambil tindakan sewajarnya.



EKSTRA

DATUK MAHADI CHE NGAH

- Berasal dari Terengganu
- Bapa kepada empat anak dan dua cucu
- Merupakan graduan Ijazah Sarjana Muda Perancang Bandar dan Wilayah di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Ijazah Sarjana Pembangunan Urban Universiti Strathclyde, Glasgow, Scotland
- Berkhidmat dengan DBKL sejak tahun 1983

MAHADI menasihatkan peniaga tidak menyalah ertikan kemudahan yang diberikan kerajaan untuk berniaga bagi membantu mereka menghadapi detik-detik sukar ketika pandemik Covid-19.



Difahamkan lesen perniagaan sementara ini selama enam bulan, adakah ia dilaksanakan selama enam bulan atau boleh diperbaharui kemudian?

Program 'Wilayah Bebas Berniaga' hanya selama enam bulan bagi membantu mereka yang terkesan akibat wabak Covid-19.

Kedudukan program ini selepas tamat tempoh tersebut bergantung kepada keadaan ketika itu. Belum ada sebarang ketetapan mengenyainya.

Saya tidak berani berkata sama ada tempoh kebenaran akan dilanjutkan lagi sebab kita tidak tahu bagaimana suasana selepas ini. Pada masa ini pun saya dapati ramai juga berniaga secara dalam talian.

Bagaimana bentuk pemantauan atau penguatkuasaan yang dilaksanakan oleh DBKL dalam memantau perniagaan di DBKL?

DBKL ada dua kumpulan yang membuat pemantauan. Satu adalah anggota penguat kuasa DBKL sendiri dan kedua pemantau oleh pejabat cawangan.

Terdapat 11 Pejabat Cawangan DBKL dan mereka juga mempunyai pasukan penguatkuasaan. Mereka telah diberitahu supaya membuat pemantauan lebih rapi dan kerap.

Apakah nasihat Datuk untuk warga kota yang mahu berniaga di bawah program ini.

Kerajaan telah mengambil inisiatif memudahkan menjalankan perniagaan pada waktu Covid-19. Kemudahan ini tidak patut disalah erti dan perlu dilaksanakan dengan baik dengan mematuhi garis panduan ditetapkan. Kepatuhan kepada aspek kebersihan, keselamatan, SOP Covid-19 dan ketetapan dibuat DBKL.

Jika ini dipatuhi, ia tidak akan menimbulkan masalah kepada penghuni ibu negara lain.

INISIATIF 'Wilayah Bebas Berniaga' perlu difahami dengan betul iaitu tidak menjalankan perniagaan di lokasi sesuai dan tidak menimbulkan masalah kepada orang lain. - GAMBAR HIASAN